



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	12/8/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	13
JABATAN	:	JPNP			

Pejabat Hutan Daerah Raub musnahkan lima pondok dan 15 pokok kelapa

Oleh NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Sebanyak lima pondok dan 15 pokok kelapa yang ditanam secara haram di Hutan Simpan Kekal (HSK) Tersang di Raub telah dimusnahkan pada Isnin dan Selasa.

Pegawai Pejabat Hutan Daerah (PHD) Raub, Shahril Mohamad berkata, tindakan itu dibuat selepas mendapati ada penerokaan tanah secara haram dilakukan ketika operasi penguatkuasaan dijalankan.

Menurutnya, pihaknya telah memusnahkan lima pondok yang dibina selain turut bertindak mencabut pokok kelapa yang ditanam.

"Kami tidak menolak kemungkinan kegiatan ini didalangi individu tertentu bagi menjalankan aktiviti pertanian secara kekal dan kontan. Kalau ikutkan

sebahagian kawasan berkenaan juga telah diratakan menggunakan jentera.

"Kegiatan ini masih baharu dilakukan kerana mereka hanya menanam 15 pokok kelapa yang berusia antara enam bulan hingga setahun," katanya pada Rabu.

Operasi penguatkuasaan itu disertai seramai 22 anggota Pejabat Renjer Benom, Pejabat Renjer Tersang dan Unit Tindakan Khas (UTK) Raub.

Beliau berkata, ketika serbuan dilakukan, tempat berkenaan telah ditinggalkan namun usaha mengesan dalang yang menceroboh HSK Tersang akan tetap dilakukan.

Jelasnya, tinjauan di kawasan mendapati kumpulan terbabit yang dipercayai antara lima hingga 10 orang bertindak menebang beberapa pokok balak selain aktiviti meratakan bukit.

HSK Tersang diceroboh peneroka haram

Sinar, 12 Ogos 2021_13



FOTO: IPSAN, JPNP

PHD Raub memusnahkan pondok dan pokok kelapa yang ditanam secara haram di HSK Tersang pada Isnin.

Dalam pada itu, Shahril menambah, sekiranya kegiatan berkenaan gagal dikesan lebih awal, penerokaan akan menjadi lebih luas dan menyebabkan kerosakan pada HSK Tersang yang terkenal dengan pelbagai spesies pokok balak berkualiti tinggi.

"Saya mengingatkan pada mana-mana pihak supaya tidak cuba menceroboh hutan simpan di daerah ini, mereka yang berada dalam hutan simpan tanpa permit atau kebenaran boleh didakwa mengikut Akta Perhutanan Negara (APN) 1984.

"Dalam kawasan hutan simpan apa juga aktiviti tidak boleh dilakukan melainkan selepas mendapat kebenaran.

"Banyak kes mereka yang berada dalam hutan simpan kekal tanpa permit dikenakan kompaun," katanya.

